

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : NASIONAL



Petugas kesihatan terpaksa merawat pesakit COVID-19 di Jabatan Kecemasan & Trauma, Hospital Sungai Buloh disebabkan kekurangan katil di wad dan Unit Rawatan Rapi di hospital sekitar Lembah Klang.
(Foto ihsan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah)

Ramai pesakit kritikal COVID-19 di Lembah Klang tiada katil di wad

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) mengakui masih ramai pesakit kritikal COVID-19 di Lembah Klang tidak dapat ditempatkan dalam wad atau Unit Rawatan Rapi (ICU) kerana kesesakan dan kekurangan katil.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata pesakit yang tidak dapat ditempatkan dalam wad ketika ini terpaksa diletakkan dalam Jabatan Kecemasan dan Trauma hospital.

Beliau berkata, nasib sama turut ditempuh pesakit COVID-19 kategori 3 dan 4 yang memerlukan bantuan oksigen, tetapi hanya diberi rawatan di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), Serdang.

"Jumlah pesakit COVID-19, termasuk yang disyaki atau berkemungkinan dijangkiti virus berkenaan masih tinggi dan tidak menunjukkan penurunan, khususnya sekitar Lembah Klang.

Nasional 3

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NASIONAL

Remaja cetus Kluster Kampung Bechah Tembesu

Putrajaya: Kluster Kampung Bechah Tembesu di Kota Bharu yang dilaporkan semalam, dikesan dicituskan seorang remaja perempuan berusia 15 tahun.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata kluster dalam kalangan komuniti itu dikesan hasil saringan individu bergejala di kampung berkenaan.

Katanya, kes berkenaan dilaporkan positif COVID-19 pada Jumaat lalu, selepas mengalami gejala bermula 28 Jun lalu.

"Nama kluster merujuk kepada lokality penularan kes dilaporkan berlaku, iaitu di Kampung Bechah Tembesu, Kota Bharu. Sehingga kini, 22 individu sudah disaring dan daripada jumlah itu 10 individu dilaporkan positif COVID-19, termasuk sembilan kes baharu yang dikesan hari ini (semalam).

"Selain itu, satu lagi kluster kalangan komuniti dikenali sebagai Kluster Kluster Kampung Bakong Gunung," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, selain dua kluster komuniti itu, 11 kluster tempat kerja dikesan di seluruh negara, iaitu Kluster Industri Tech Valley Sendayan, Kluster Industri TTJ 2; Kluster Jalan Harmoni Sembilan; Kluster Jalan Sri Sulong, Kluster Lorong Berjaya dan Kluster Jalan Kayu Madang.

Turut dikesan ialah Kluster Industri Bentong Sebelas 2; Kluster Industri Jerantut Feri; Kluster Industri 121 Kuala Baram, Kluster Dah Satu Industri Kulim dan Kluster Lintang Macallum Dua.

Sementara itu, mengenai kes baharu semalam, Dr Noor Hisham berkata, kes penularan COVID-19 di negara ini melebihi 6,000 kes lima hari berturut-turut, iaitu 6,387 kes dilaporkan semalam dengan 77 kematian.

Beliau berkata, pertambahan kes berkenaan sekali gus menjadikan jumlah kumulatif kes di negara ini meningkat kepada 785,039 kes.

"Daripada jumlah kes baharu dilaporkan hari ini (semalam) 2,610 kes dikesan di Selangor, diikuti Kuala Lumpur dengan 819 kes baharu, Negeri Sembilan (523); Sarawak (424); Johor (324); Pahang (312); Kedah (273); Sabah (263) dan Perak (249).

"Turut mencatatkan pertambahan kes ialah Melaka dengan 206 kes, Pulau Pinang (157); Kelantan (114); Labuan (71); Putrajaya (25) dan Terengganu (17)," katanya.

Ramai pesakit kritikal tak dapat masuk wad

Dari Muka 1

"Sehingga kini, 1,224 pesakit COVID-19, termasuk individu yang disyaki dan berkemungkinan dijangkiti virus itu sudah dimasukkan ke dalam ICU.

"Daripada jumlah itu, lebih separuh atau 567 pesakit berada di Lembah Klang, iaitu Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

"Bagaimanapun, masih ramai pesakit kritikal tidak dapat dimasukkan ke dalam wad," katanya menerusi Facebook, semalam.

Berikutan itu, Dr Noor Hisham berkata, beberapa langkah sudah diambil KKM bagi mengatasi masalah berkenaan seperti meningkatkan kapasiti Hospital Kuala Lumpur (HKL) dan Hospital Pakar Kanak-Kanak Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bagi merawat pesakit COVID-19 kategori 4 dan 5.

Selain itu, HKL juga turut membuat penyumber luaran

(outsourcing) dengan merujuk pesakit bukan COVID-19 ke hospital swasta yang berdekatan.

"Kita turut mempertingkatkan kapasiti merawat pesakit COVID-19 di Hospital Selayang dan Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang (HTAR) serta menjadikan Hospital Ampang sebagai hospital COVID-19 sepenuhnya seperti Hospital Sungai Buloh mulai 30 Jun lalu," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, ketika ini 17 hospital digunakan yang merawat pesakit COVID-19 di sekitar Lembah Klang.

Selain hospital dinyatakan, Dr Noor Hisham berkata, turut membantu merawat pesakit COVID-19 ialah Hospital Kajang, Hospital Banting, Hospital Shah Alam, Hospital Serdang dan Hospital Pengajar Universiti Putra Malaysia (UPM).

Enam hospital lagi ialah Hospital Universiti Teknologi Mara (UiTM), Hospital Rehabilitasi Cheras, Hospital Angkatan Ten-



Gambar posting Facebook Dr Noor Hisham menunjukkan kerja rawatan oleh Jabatan Kecemasan & Trauma Hospital Sungai Buloh. (Foto ihsan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah)

tera Tuanku Mizan, Hospital Kuala Lumpur, Pusat Perubatan Universiti Malaya, Hospital Canselor Tunku Mukhriz UKM dan Hospital Putrajaya.

Dalam pada itu, menerusi sta-

tus yang sama Dr Noor Hisham turut berdoa supaya wabak COVID-19 akan berakhir segera dan berharap masyarakat terus diberi kekuatan untuk melawan virus berkenaan.

Terkini COVID-19 4,532 Pulih, dibenarkan keluar hospital, semalam **6,387** Kes baharu disahkan, semalam **5,574** Jumlah kematian dicatat **785,039** Jumlah kes disahkan positif **69,447** kes yang masih dirawat

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

Suntikan hanya diberi kepada remaja ada masalah kesihatan

Putrajaya: Pemberian vaksin jenis Comirnaty keluaran Pfizer-BioNTech terhadap remaja 12 tahun ke atas hanya diberi kepada mereka yang ada masalah kesihatan.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin, berkata remaja lain yang tiada masalah kesihatan akan diberi selepas selesai semua fasa Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) membabitkan populasi dewasa.

Beliau berkata, keputusan itu dibuat bagi memastikan kanak-kanak dan remaja yang ada masalah kesihatan dapat dilindungi.

"Pada minggu lalu, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba; Menteri Pendidikan, Datuk Dr Radzi Jidin dan saya diberikan taklimat panjang lebar oleh kumpulan pakar bawah Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) diketuai Pengarah Institut Penyelidikan Klinikal, Institut kesihatan Negara (NIH), Dr

Kalalarasu M Peariasamy. "Kami mengambil pendirian untuk lebih berhati-hati dalam pemberian vaksin terhadap remaja. Saya rasa keputusan dibuat Menteri Kesihatan dan JKJAV adalah yang terbaik untuk melindungi kanak-kanak yang ada masalah kesihatan terlebih dulu.

"Kita sudah bersetuju dengan pembukaan sekolah dan pemberian vaksin akan diberikan terlebih dulu kepada guru, kakitangan sokongan termasuk pemandu bas dan hanya kepada remaja yang ada masalah kesihatan berisiko tinggi, manakala imunisasi terhadap kanak-kanak lain boleh dilaksanakan sehingga fasa seterusnya," katanya pada sidang media Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF) secara maya, semalam.

Khairy berkata, pada masa sama, pihaknya sudah meminta jawatankuasa khas dalam JKJAV untuk sentiasa menilai data klinikal semasa, termasuk kes *myocarditis* dalam kalangan remaja dan data klinikal baru diterbitkan membabitkan vaksin keluaran Sinovac untuk kegunaan remaja.

Beliau berkata, menjelang semua populasi dewasa perlu divaksinasi selesai dengan pelantikan terhadap COVID-19, pihaknya yakin CITF mempunyai data mencukupi untuk menjalankan vaksinasi terhadap semua remaja.

Sementara itu, Dr Adham berkata, Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) menyasarkan vaksin Comirnaty diberikan untuk remaja berusia 12 tahun ke atas.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : -



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : COVID-19

PFIZER PALING SESUAI

Kumpulan remaja dengan latar belakang kesihatan berisiko terima vaksin lebih awal

Oleh Amir Abd Hamid dan Ekhwan Haque Fazlul Haque
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Remaja yang mempunyai latar belakang kesihatan yang berisiko akan menerima suntikan vaksin Covid-19.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, keputusan itu dicapai kumpulan teknikal Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin Covid-19 (JKJAV).

Menurutnya, Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRF) menyarankan vaksin Pfizer diberikan untuk remaja berusia 12 tahun ke atas.

"Kumpulan remaja yang

mempunyai latar belakang kesihatan seperti komobid, kanser, sistem daya tahan rendah dan penyakit berkaitan paru-paru akan menerima vaksin lebih awal.

"Data terkini daripada beberapa negara luar mendapati vaksin Pfizer berisiko rendah kepada golongan remaja.

"Golongan remaja berisiko ini akan diberi perhatian dengan meneliti data klinikal yang dikeluarkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)," katanya dalam sidang media mingguan Badan Bertindak Imunisasi Covid-19 (CITF) secara maya, semalam.

Hadir sama Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick), Khairy Jamaluddin.

Dr Adham berkata, setakat ini pelajar kelas pemeriksaan akan menerima suntikan vaksin bagi membolehkan golongan ini menjalani sesi persekolahan bersemuka.

Sementara itu, Dr Adham berkata, seramai 116,378 kanak-kanak disahkan positif Covid-19 sehingga 29 Jun lalu.

Katanya, daripada jumlah itu 37,205 kanak-kanak berusia 13 hingga 17 tahun dijangkiti Covid-19.

Vaksin Pfizer berisiko rendah kepada golongan remaja
Dr Adham

Kuala Lumpur: Bantuan khas kewangan bagi kesan mudarat vaksin Covid-19 belum digunakan setakat ini.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, setakat ini 18.6 respons sendiri daripada 1,000 dos suntikan vaksin Covid-19 mengalami kesan sampingan ringan.

Menurutnya, antara kesan sampingan ringan seperti sakit di tempat suntikan dan sakit kepala tidak serius.

Katanya, 0.07 daripada 1,000 kes diklasifikasikan sebagai serius dan memerlukan rawatan di hospital.

"Kebanyakan mereka hanya masuk ke hospital untuk menerima rawatan dan pemantauan doktor jangka masa pendek.

"Setakat ini belum ada penerima bantuan kewangan khas ekoran kesan mudarat vaksin Covid-19," katanya dalam sidang media mingguan Badan Bertindak Imunisasi Covid-19 (CITF) secara maya, semalam.

Hadir sama, Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick), Khairy Jamaluddin.

Sebelum ini, kerajaan bersejua memperuntukkan bantuan khas kewangan bagi kesan mudarat vaksin Covid-19 untuk rakyat tempatan dan warga asing berjumlah RM10 juta.

Ia membabitkan dua kategori bantuan iaitu



HANYA 18.6 respons sendiri daripada 1,000 dos suntikan vaksin Covid-19 mengalami kesan sampingan ringan. - Gambar NSTP/MOHD FADLI HAMZAH

Belum ada terima kesan mudarat vaksin

RM50,000 bagi penerima yang mengalami kesan sampingan serius dan memerlukan rawatan berpanjangan di hospital dan RM500,000 jika berlaku hilangnya upaya kekal atau kematian disebabkan oleh vaksin Covid-19.

Dalam perkembangan lain, Dr Adham berkata, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) terus memberi tumpuan kepada penularan

varian baharu yang lebih cepat merebak.

Katanya, jujukan genom akan dilaksanakan khususnya di kawasan yang merekodkan kadar kes positif dan kematian yang tinggi.

"Sehingga kini 584 kes positif Covid-19 disebabkan pelbagai varian direkodkan di Malaysia dan pemantauan lanjut akan terus dijalankan KKM," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : COVID-19

Cemas di wad cemas

Ramai pesakit kritikal Covid-19 belum dapat dimasukkan ke wad

Oleh Muhaamad Hafis Nawawi
mhafis@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Masih ramai pesakit kritikal Covid-19 belum dapat dimasukkan ke wad kerana kesesakan dan kekurangan katil di wad serta Unit Rawatan Rapi (ICU).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ketika ini mereka dirawat di Jabatan Kecemasan dan Trauma hospital di Lembah Klang.

Selain itu, katanya, sejumlah besar pesakit Covid-19 kategori 3 dan kategori 4 yang memerlukan bantuan oksigen terpaksa dirawat di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah Maeps.

"Jumlah pesakit Covid-19 masih tinggi dan belum menunjukkan penurunan khususnya di kawasan Lembah Klang.

"Buat masa ini, terdapat 1,224 pesakit Covid-19 (termasuk kes disyaki dijangkiti virus itu) dimasukkan ke ICU yang 567 pesakitnya berada di Lembah Klang," katanya di sini.

Dr Noor Hisham berkata, antara langkah yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) termasuk meningkatkan kapasiti Hospital Kuala Lumpur (HKL) merawat pesakit Covid-19 kategori 4 dan 5.

Katanya, selain itu HKL turut melakukan penyumberluaran (*outsourcing*) dengan merujuk pesakit bukan Covid-19 dari HKL ke hospital swasta yang berdekatan.

Beliau berkata, Hospital Pakar Kanak-kanak UKM juga akan dipertingkatkan kapasiti supaya lebih ramai pesakit Covid-19 kategori 4 dan 5 dapat dirawat.

"Selain itu, kapasiti merawat pesakit Covid-19 di Hospital Selayang dan juga Hospital Tengku Ampuan



Jabatan Kecemasan & Trauma, Hospital Sungai Buloh

PASUKAN petugas perubatan merawat pesakit Covid-19 di Unit Rawatan Rapi (ICU).



Rahimah Klang turut ditingkatkan.

"Hospital Ampang juga turut dijadikan sebagai hospital Covid-19 sepenuhnya seperti Hospital Sungai Buloh mulai 30 jun lalu," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, terdapat 17 hospital yang merawat pesakit Covid-19 di sekitar Lembah Klang.

Katanya, ia adalah Hospital Selayang, Hospital Kajang, Hospital Ampang, Hos-

Rt Covid-19 tunjuk sedikit penurunan

Putrajaya: Kadar kebolehhajngkitan (Rt) Covid-19 mengikut kes harian di seluruh negara menunjukkan sedikit penurunan iaitu kini berada di paras 1.06 berbanding kelmarin dengan nilai 1.07.

Menurut data yang dikongsi oleh Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, bagi pecahan mengikut negeri pula, dua negeri mencatatkan paras Rt dengan nilai yang sama iaitu 1.17 yang direkodkan di Pahang dan Putrajaya.

Data berkenaan turut menunjukkan nilai Rt di Putrajaya sedikit meningkat berbanding Sabtu iaitu sekitar 1.06 manakala di Pahang pula ia menunjukkan penurunan iaitu 1.24.

Bagaimanapun, nilai Rt

di kedua-dua negeri dan wilayah itu tetap yang tertinggi berbanding negeri lain serta melebihi nilai Rt di seluruh negara.

"Kadar kebolehhajngkitan Covid-19 atau Ro/Rt pada jangkakan mengikut kes seharian pada 4 Julai untuk seluruh negara adalah 1.06. Negeri lain yang mencatatkan nilai Rt lebih 1.0 ialah Melaka (1.12); Selangor (1.08); Kuala Lumpur (1.06); Kedah (1.05); Terengganu (1.04) manakala Sabah (1.02).

"Negeri yang mencatatkan nilai Rt bawah 1.0 pula ialah Negeri Sembilan (0.97); masing-masing 0.91 di Johor dan Labuan; Sarawak (0.90); Terengganu (0.88) dan Kelantan (0.82)," katanya dalam Twitter, kelmarin.



Buat masa ini, terdapat 1,224 pesakit Covid-19 (termasuk kes disyaki dijangkiti virus itu) dimasukkan ke ICU yang 567 pesakit berada di Lembah Klang"

Dr Noor Hisham Abdullah

pital Tengku Ampuan Rahimah, Hospital Banting, Hospital Shah Alam, Hospital Serdang, Hospital Pengajar Universiti Putra Malaysia, Hospital UITM, Hospital Sungai Buloh, Hospital Pakar Kanak-Kanak UKM dan Hospital Rehabilitasi Cheras.

Selain itu, Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan, Hospital Kuala Lumpur, Pusat Perubatan Universiti Malaya, Hospital Canselor Tunku Mukhriz UKM dan Hospital Putrajaya.

"Semoga kita terus diberi kekuatan dan kita doakan wabak ini akan berakhir," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : COVID-19

Kuala Lumpur: Kes penularan Covid-19 di negara ini merekodkan sebanyak 6,387 kes semalam menjadikan jumlah kumulatif kes di Malaysia meningkat kepada 785,039 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah kes baharu dilaporkan semalam, sebanyak 2,610 kes dikesan di

6,387 kes jangkitan baharu, 77 kematian

Selangor, diikuti Kuala Lumpur dengan 819 kes baharu dan Negeri Sembilan (523).

Menurutnya, sebanyak 424 kes baharu direkodkan di Sarawak, Johor (324), Pahang (312), Kedah (273), Sabah (263) dan Perak (249).

"Turut mencatatkan pertambahan kes adalah Melaka dengan 206 kes baharu, Pulau Pinang (157), Kelantan (114), Labuan (71), Putrajaya (25) dan Terengganu (17).

"Hanya Perlis tidak mencatatkan sebarang pertam-

bahan kes baharu," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, daripada jumlah baharu itu, 6,361 membabitkan kes tempatan iaitu 4,864 warganegara dan 1,497 bukan warganegara manakala 26

kes import terdiri 13 warganegara dan 13 bukan warganegara menjadikan kes aktif 67,669.

"Sebanyak 4,532 kes dilaporkan pulih, menjadikan jumlah kumulatif kes pulih sepenuhnya adalah 710,018 kes atau 90.4 peratus da-

ripada jumlah keseluruhan kes.

"Sebanyak 77 kematian dilaporkan membabitkan 73 warga tempatan dan empat bukan warganegara," katanya.

Beliau berkata, terdapat 923 kes positif Covid-19 sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 443 kes memerlukan bantuan alat pernafasan.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEGARA

Pesakit aktif menghampiri angka 70,000

PUTRAJAYA – Angka kes aktif dalam negara meningkat hampir kepada 70,000 berikutan kes harian melebihi angka pesakit pulih semalam.

Pesakit yang sedang dirawat dan dasingkan semalam seramai 69,447 orang termasuk 923 kes sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi dan 433 kes memerlukan bantuan pernafasan.

Dalam masa sama, angka harian masih tiada perubahan ketara serta kekal merekodkan 6,387 kes, manakala kes sembuh pula sebanyak 4,532.

Terdapat 77 kes kematian termasuk empat warga asing berusia antara 29 hingga 85 tahun, manakala 13 kes meninggal dunia di luar hospital atau *brought-in-dead* (BID).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, sebanyak 13 kluster baharu dikenal pasti melibatkan 11 kluster tempat kerja dan dua kluster komuniti.



PETUGAS kesihatan sedang memberikan vaksin kepada penduduk di Pangsapuri Mentari Court, Petaling Jaya semalam. – MUHAMAD IQBAL ROSLI

"Ia melibatkan Kluster Industri Tech Valley Sendayan (17 kes), Kluster Industri TTJ 2 (31 kes), Kluster Jalan Harmoni Sembilan (11 kes), Kluster Jalan Sri Sulong (13 kes), Kluster Lorong Berjaya (lapan kes), Kluster Jalan Kayu Madang (18 kes).

"Selebihnya ialah Kluster Industri Bentong Sebelas 2 (sembilan kes), Kluster Industri Jerantut Peri (enam kes), Kluster Industri 121 Kuala Baram (132 kes) dan Kluster Dah Satu Industri Kulim (52 kes)," katanya dalam kenyataan akhbar semalam.

Beliau berkata, kluster lain ialah Kluster Lintang Macallum Dua (64 kes), Kluster Kampung Bakong Gunung (10 kes) dan Kluster Kampung Bechah Tembesu (10 kes).

Mengenai kadar kebolehan kitaran kelmarin, Dr. Noor Hisham berkata, nilai RT negara adalah sebanyak 1.06, manakala dua negeri mencatatkan nilai RT tertinggi adalah Pahang (RT 1.17) dan Putrajaya (RT 1.17).

"Negeri-negeri lain mencatatkan RT melebihi 1.0 adalah Melaka (1.12), Selangor (1.08), Kuala Lumpur (1.06), Kedah (1.05), Pulau Pinang (1.04), Perak (1.04) dan Sabah (1.02)," katanya.

KKM saring 17,000 penghuni Mentari Court

PETALING JAYA – Kementerian Kesihatan (KKM) menjalankan ujian saringan Covid-19 kepada setiap penghuni di Pangsapuri Mentari Court, di sini bermula semalam.

KKM dalam satu kenyataan berkata, pihaknya telah melakukan lawatan dari rumah ke rumah bagi memastikan semua penghuni menjalani ujian saringan sebagai langkah membendung penularan jangkitan di kawasan berkenaan.

"Ujian saringan itu melibatkan kira-kira 17,000 penduduk yang menghuni 3,469 unit pangsapuri di kawasan berkenaan," katanya dalam kenyataan di Facebook semalam.

Mentari Court merupakan satu daripada lokaliti di Selangor yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) selama dua minggu.

Kawasan apartmen tersebut mempunyai tujuh blok bangunan melibatkan 3,469 unit rumah dengan jumlah penduduk dianggarkan seramai 17,000 orang.

Selain Mentari Court, dua lagi lokaliti di Petaling Jaya yang dikenakan PKPD selama dua minggu bermula 1 Julai hingga 14 Julai ialah Pangsapuri Westlite dan Taman Perumahan SS 91A, Sungai Way.

Sementara itu, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, Selangor menjadi negeri pertama menjalankan program vaksinasi terhadap penduduk yang tinggal di dalam kawasan PKPD.

Beliau berkata, pemberian vaksin itu melibatkan 1,553 penghuni yang dijadualkan di Pangsapuri Mentari Court, di sini yang dikenakan PKPD. "Ini adalah langkah yang julung kali diadakan dalam kawasan PKPD di negara ini. Pelaksanaannya bagi memastikan penularan wabak dalam komuniti ini dapat diputuskan sekaligus mengelakkan keperluan melaksanakan PKPD sekali lagi," katanya dalam kenyataan semalam.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NEGARA

'Dahulukan pelajar berisiko'

PUTRAJAYA – Remaja dalam kategori kumpulan berisiko tinggi akan diberi vaksin lebih awal berbanding golongan sama yang tiada latar belakang penyakit.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham Baba berkata, usia kalangan pelajar yang akan diberi vaksin adalah antara 12 hingga 17 tahun dengan mereka yang layak akan divaksin jenis Pfizer.

"Kita akan memberi fokus kepada remaja yang dikategorikan kumpulan berisiko tinggi terlebih dahulu.

"Selain itu, semua pihak berkaitan dengan persekolahan akan diberi vaksin dalam memastikan tidak wujudnya kluster berkaitan pendidikan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar perkembangan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) bersama Menteri Penyelaras PICK, Khairy Jamaluddin Abu Bakar secara maya di sini semalam.

Ketika ditanya sama ada golongan remaja akan diberi dos yang sama seperti orang dewasa, Adham berkata, pihak pakar masih menilai data klinikal bagi memberi penilaian berdasarkan usia dan berat seseorang itu, namun mencadangkan dos yang berbeza daripada orang dewasa.

Sementara itu, Khairy Jamaluddin berkata, semua pihak berkaitan persekolahan seperti guru dan juga pemandu bas akan diberi vaksin sekiranya sekolah dibuka semula," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Cegah Covid-19 hanya mitos

Pengambilan vitamin C secara berlebihan boleh undang masalah kesihatan

Oleh NURUL NABILA AHMAD HALIMY

SHAH ALAM

Pakar-pakar kesihatan menegaskan pengambilan vitamin C secara berlebihan sebagai langkah untuk mencegah jangkitan Covid-19 hanyalah satu mitos dan akan memudaratkan kesihatan sekiranya diambil terlalu banyak.

Timbalan Presiden Persatuan Medical Mythbusters Malaysia, Mohd Dzeihan Mustapa berkata, tidak ada bukti saintifik bahawa pengambilan suplemen vitamin C secara oral akan membantu merawat atau mencegah Covid-19.

"Setakat hari ini, tidak ada penawar untuk Covid-19 di mana langkah pencegahan terbaik hanyalah mematuhi prosedur operasi standard (SOP) dan menjaga kebersihan.

"Untuk mendapatkan keperluan vitamin C yang cukup, pastikan anda memakan pelbagai jenis buah-buahan dan sayur-sayuran. Mikronutrien seperti vitamin D dan C dan zink memainkan peranan penting untuk kesihatan imun tubuh," katanya kepada *Sinar Harian*.


Mohd Dzeihan yang juga ahli farmasi berpengalaman selama 17 tahun itu berkata, pengambilan dos maksimum vitamin



MOHD DZEIHAN



DR SUHAZELI



Pengambilan vitamin C baik untuk kesihatan tetapi ia bukanlah ubat untuk Covid-19 malah jika diambil secara berlebihan dikhuatiri boleh menjadi toksik dan memberi kesan sampingan.

C dalam sehari yang dinyatakan selamat adalah tidak melebihi 2,000 miligram (mg).

"Sebenarnya dos sebanyak 200mg sudah mencukupi. Saranan pengambilan Nutrients-Malaysia (RNI) dalam kalangan individu dewasa untuk vitamin C adalah 70mg/sehari sahaja. Keperluan sebanyak ini (200mg) juga boleh diperolehi melalui sumber sayur-sayuran dan buah-buahan.

"Serapan tubuh jika vitamin C diambil secara oral adalah sekitar 69 peratus manakala dos melebihi 1,000mg sehari pula adalah tinggi dan boleh menyebabkan seseorang itu alami kesan sampingan,"

katanya.

Tidak bertanggungjawab

Pakar Perubatan Keluarga Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Dr Suhazeli Abdullah berkata, sesetengah pihak yang suka menyebarkan mitos tentang vitamin C atau suplemen berbahaya kepada masyarakat hingga terpedaya adalah sifat yang sangat tidak bertanggungjawab.

Tegasnya, pengambilan vitamin C secara berlebihan akan mendatangkan ketidakefektifan pada perut, cirit-birit dan jika diserap dalam darah, pembentukan batu karang di buah pinggang akan berlaku.

"Tahap tertinggi (*Tolerable Upper Intake Level*) pengambilan vitamin C bagi dewasa adalah 2,000 mg sehari selebihnya akan menyebabkan toksik. Jika mengambil melebihi dari tahap ini, ia akan menyebabkan masalah kesihatan.

"Perbuatan ini boleh membahayakan diri. Mekanisme vitamin C akan menyebabkan kulit semakin putih kerana pembentukan melanin kulit akan terganggu. Kita mengubah proses normal tubuh kita. Ini boleh mengundang bahaya," tegasnya.

Dr Suhazeli berkata, sebarang bentuk suplemen adalah bukan asas dan gizi pemakanan seharian seperti sayur-sayuran dan buah-buahan sudah pun mencukupi semua vitamin yang diperlukan dalam badan termasuklah vitamin C.

"Ingat perkataan suplemen itu sendiri, ia adalah pemakanan tambahan. Suplemen bukan asas.

"Kita bukan rakyat negara ketiga yang miskin sehingga tidak cukup gizi pemakanan seharian. Jika perlu sekalipun, perlu diluluskan oleh ahli perubatan, bukannya jurujual.



MENGENAI PENGAMBILAN DOS VITAMIN C

- Berapa banyak dos vitamin C diperlukan sehari: 200mg sudah mencukupi
- Berapa dos maksimum vitamin C untuk sehari: Tidak melebihi 2,000mg
- Pengambilan vitamin C secara berlebihan akan menyebabkan masalah kesihatan seperti sakit perut dan cirit-birit. Had maksimum yang mampu ditanggung (*tolerable*) oleh perut kita, selebihnya akan menyebabkan toksik.

* Saranan ini bagi orang dewasa

MANFAAT VITAMIN C KEPADA BADAN MANUSIA

Menurut laman rasmi MyHealth Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Vitamin C mempunyai kebaikan dari segi fungsi fisiologi seperti kolagen dan merupakan antioksidan semula jadi yang membantu melindungi sel daripada kerosakan yang disebabkan oleh radikal bebas.

Antara kebaikan vitamin C

1. Meningkatkan penyerapan zat besi
Bagi pesakit yang memerlukan suplemen kesihatan zat besi (contohnya: wanita hamil), ia adalah disyorkan bahawa suplemen kesihatan zat besi diambil bersama-sama dengan vitamin C.

2. Pengambilan vitamin C secara tetap boleh mengurangkan tempoh dan keterukan selesema

3. Mengurangkan risiko mendapat kanser
Kajian menunjukkan bahawa pengambilan vitamin C yang tinggi daripada buah-buahan dan sayur-sayuran boleh mengurangkan risiko mendapat kanser tetapi vitamin C daripada suplemen kesihatan tidak membawa manfaat ini.

"Terdapat beberapa golongan yang dinasihatkan oleh doktor untuk mengambil vitamin C seperti ibu hamil dan menyusu badan. Itu pun mereka perlu mendapat khidmat kaunseling perubatan daripada doktor sebelum mengambil pil vitamin yang khusus untuk diamalkan," katanya.



AKHBAR : SINAR HARIAN
 MUKA SURAT : 7
 RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

79 kes kematian dilaporkan setiap hari

Bagi minggu
 epidemiologi dari 27
 Jun hingga 3 Julai

PUTRAJAYA

Secara purata 79 kematian akibat Covid-19 dilaporkan setiap hari di negara ini bagi minggu epidemiologi ke-26 iaitu 27 Jun hingga 3 Julai.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, jumlah itu meningkat 2.6 peratus berbanding minggu epid ke-25.

Menurut beliau, jumlah kematian dilaporkan pada minggu epid ke-26 adalah 550 kes.

"Pesakit yang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) turut merekodkan peningkatan 3.1 peratus pada tempoh sama.

"Sebanyak 892 kes di ICU yang dirawat di ICU di seluruh negara," katanya pada sidang akhbar perkembangan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) bersama

Menteri Penyelaras PICK, Khairy Jamaluddin Abu Bakar pada Isnin.

Dr Adham berkata, penggunaan ventilator turut mencatatkan peningkatan 1.6 peratus iaitu secara puratanya 448 kes memerlukan bantuan pernafasan.

"Setakat 3 Julai, seramai 443 pesakit memerlukan bantuan mesin pernafasan," katanya.

Beliau berkata, sebanyak 44,145 kes positif Covid-19 dilaporkan pada minggu epid ke-26 iaitu meningkat sebanyak 18.2 peratus.



Dr Adham bersama Khairy (kanan) pada sidang media perkembangan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan di Ibu pejabat Pasukan Petugas Khas Imunisasi Covid-19 (CITF) pada Isnin.

"Secara purata, 6,306 orang dilaporkan positif Covid-19 setiap hari," katanya.

Tambah Dr Adham Baba, purata bagi kes aktif adalah 64,096 dengan peningkatan 4.0 peratus berbanding minggu sebelumnya.

"Peningkatan ini dialami sejak minggu epid ke-25," katanya.

Sementara itu, katanya, sebanyak 146 kluster baharu direkodkan terdiri daripada 86 kluster tempat kerja.

"Terdapat 49 kluster komuniti, kumpulan berisiko tinggi (tujuh), pusat tahanan (dua) dan institusi pendidikan (dua)," katanya.

Setakat ini, sebanyak 700,215 kes Covid-19 telah sembuh.

Dalam pada itu, beliau berkata, remaja yang mempunyai penyakit kronik disyorkan untuk diberi keutamaan mendapatkan suntikan vaksin Covid-19,

Comirnaty keluaran Pfizer-BioNTech.

"Data keberhasilan percubaan klinikal yang sedang dijalankan oleh Pfizer-BioNTech di beberapa negara mendapati vaksin Comirnaty adalah berisiko rendah kepada golongan itu.

"Golongan remaja berisiko ini akan diberi perhatian Kementerian Kesihatan Malaysia dengan meneliti data klinikal yang dikeluarkan," katanya.

Kanak-kanak dan remaja berusia 12 hingga 18 tahun ke atas boleh mendaftar untuk mendapatkan vaksin Covid-19 menerusi aplikasi MySejahtera sejak 21 Jun lalu.

Sebelum ini, MySejahtera hanya membenarkan keluarga mendaftarkan tanggungan mereka yang berusia 18 tahun ke atas.

Sementara itu, ditanya mengenai dos yang akan diberikan kepada golongan itu, Dr Adham berkata, ia berbeza dengan sukatan dewasa.

MEMENDEPANI KRISIS
COVID-19:
**APA TINDAKAN
 KITA?**

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Kes baharu 6,387

KUALA LUMPUR - Dalam tempoh seminggu berturut-turut, jumlah kes baharu harian Covid-19 di negara ini melebihi angka 6,000 dengan 6,387 kes dilaporkan dalam tempoh 24 jam lepas.



Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah menerusi perkongsian di Twitternya pada Isnin berkata, angka itu menunjukkan peningkatan 342 kes berbanding 6,045 kes pada Ahad.

Perkembangan terbaharu itu menjadikan jumlah terkumpul kes Covid-19 di negara ini sebanyak 785,039.

Dr Noor Hisham berkata, Selangor kekal merekodkan kes harian tertinggi dengan 2,610 kes, diikuti Kuala Lumpur (819), Negeri Sembilan (523), Sarawak (424), Johor (324), Pahang (312) dan Kedah (273).

Sabah pula 263 kes, Perak (249), Melaka (206), Pulau Pinang (157), Kelantan (114), Labuan (71), Putrajaya (25), Terengganu (17) dan sifar kes di Perlis. - Bernama

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA



*Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 5 Julai 2021


JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN:	785,039	PULIH:	710,018	ICU:	923	KEMATIAN:	5,574	KES BAHARU:	+6,387	SUDAH DIVAKSIN:	9,006,715
---------------------	---------	--------	---------	------	-----	-----------	-------	-------------	--------	-----------------	-----------

KES BAHARU DALAM SEMINGGU

- 5 Julai: 6,387 kes
- 4 Julai: 6,045 kes
- 3 Julai: 6,958 kes
- 2 Julai: 6,982 kes
- 1 Julai: 6,988 kes
- 30 Jun: 6,276 kes
- 29 Jun: 6,437 kes

Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 778,652 kes kepada 785,039 kes



AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NEWS/NATION

Highest Rt in Pahang, Putrajaya

KUALA LUMPUR: Pahang and Putrajaya have the highest Covid-19 infectivity rate, or R-naught (Rt), as of July 4.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said both of these territories recorded an 1.17 Rt, which was higher than the national average of 1.06.

"Other states with an Rt higher than 1.0 are Melaka (1.12), Selangor (1.08), Kuala Lumpur (1.06), Kedah (1.05), Penang (1.04), Perak (1.04) and Sabah (1.02)," he said in a statement yesterday.

Dr Noor Hisham said 77 Covid-19 deaths were reported yesterday, comprising 73 Malaysians and four foreigners, aged between 29 and 87. Thirteen of them were brought in dead.

He said 6,387 Covid-19 cases were logged yesterday, bringing the tally to 785,039, with 69,447

people undergoing treatment or isolation for the disease.

Of the new cases, 26 were imported, involving 13 citizens and 13 foreigners.

Selangor still has the highest number of cases, with 2,610, followed by Kuala Lumpur (819) and Negri Sembilan (523).

Other states with three-digit cases were Sarawak (424), Johor (324), Pahang (312), Kedah (273), Sabah (263), Perak (249), Melaka (206), Penang (157) and Kelantan (114). Labuan registered 71 cases, followed by Putrajaya (25) and Terengganu (17). There were no infections recorded in Perlis.

Dr Noor Hisham said 4,532 people recovered yesterday, bringing the total to 710,018.

He said 923 patients were in intensive care, with 433 of them on ventilators.

Thirteen new clusters were identified in Negri Sembilan, Johor, Sabah, Pahang, Sarawak, Kedah, Penang and Kelantan.

These new clusters have so far contributed 381 cases.

Eleven of these clusters were linked to workplaces.

They are Industri Tech Valley Sendayan and Industri TTJ 2 in Negri Sembilan; Jalan Harmoni Sembilan and Jalan Sri Sulong in Johor; Lorong Berjaya and Jalan Kayu Madang in Sabah; Industri Bentong Sebelas 2 and Industri Jerantut Feri in Pahang; Industri 121 Kuala Baram in Sarawak; Dah Satu Industri Kulim in Kedah and Lintang Macallum Dua in Penang.

The two community clusters are in Kampung Bakong Gunong and Kampung Bechah Tembesu in Kelantan.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NEWS/NATION

Klang Valley hospitals running out space for critical patients

PUTRAJAYA: There are not enough beds and space in Klang Valley hospitals, especially in intensive care units, for Covid-19 patients in critical condition.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said patients had to be placed at hospital emergency and trauma departments.

He said Category 3 and 4 Covid-19 patients, who needed breathing support, also faced the same shortage and had to be placed at the Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS) Covid-19 Quarantine and Low-Risk Treatment Centre.

The Health Ministry places Covid-19 patients in five categories according to severity, with Category 5 being the most critical.

"The number of Covid-19 patients, including those suspected

of contracting the virus, is still high. Their numbers in the Klang Valley show no sign of declining.

"To date, 1,224 Covid-19 patients, including those suspected of contracting the virus, have been placed in ICUs.

"From this total, about half, or 567 are in Klang Valley — Kuala Lumpur, Selangor and Putrajaya.

"However, many more patients in critical condition could not be warded," he said in a Facebook post on Sunday.

Dr Noor Hisham said the Health Ministry had taken action to tackle the situation, including increasing capacity at Kuala Lumpur Hospital and Universiti Kebangsaan Malaysia's Specialist Children's Hospital to treat Category 4 and 5 Covid-19 patients.

He said HKL had been sending non-Covid-19 patients to nearby private hospitals.

"We also improved capacity to treat Covid-19 patients at Selayang Hospital and Tengku Ampuan Rahimah Hospital in Klang, while turning Ampang Hospital into a full Covid-19 hospital, similar to Sungai Buloh Hospital, beginning June 30," he said.

So far, 17 hospitals are treating Covid-19 patients in the Klang Valley.

Dr Noor Hisham said Kajang Hospital, Banting Hospital, Shah Alam Hospital, Serdang Hospital and Universiti Putra Malaysia Teaching Hospital also helped to treat Covid-19 patients.

"Six other hospitals are the Universiti Teknologi Mara Hospital, Cheras Rehabilitation Hospital, Tuanku Mizan Armed Forces Hospital, HKL, Universiti Malaya Medical Centre, UKM's Canselor Tuanku Muhriz Hospital and Putrajaya Hospital."



A medical assistant at Sungai Buloh Hospital checking a Covid-19 patient last month. FILE PIC

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

More than 6,000 cases for seventh day straight

PUTRAJAYA: Malaysia's Covid-19 daily case figures remained above the 6,000 mark for the seventh day straight, reports the Health Ministry.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said the country's total caseload reached 785,039, after 6,387 new infections were recorded yesterday.

Selangor remained the state with the highest number of cases with

2,610 infections.

Dr Noor Hisham said 1,571 infections in Selangor were from close contacts of Covid-19 positive patients while 832 other cases were sporadic.

"Another 205 are linked to clusters, while two are imported cases.

"Kuala Lumpur has the second highest number of cases with 819 new infections," he said in his daily

update yesterday.

Dr Noor Hisham said the country's Rt (level of infectivity) was at 1.06 as of July 4.

"The two states recording the highest infectivity level are Pahang and Putrajaya. Both recorded Rt scores of 1.17," he said.

There are also 77 more fatalities, taking the Covid-19 death toll to 5,574 since the pandemic began.

Selangor had the most number of deaths with 30 fatalities reported in the state.

Dr Noor Hisham also said 13 "brought-in-dead" cases were reported nationwide.

"At present, 923 patients are in intensive care, with 433 in need of ventilator support.

"A total of 4,532 patients were discharged," he added.

8% of population fully vaccinated

KUALA LUMPUR: A total of 2,618,316 people or 8% of the Malaysian population have completed two doses of Covid-19 vaccination as of Sunday, says Health Minister Datuk Seri Dr Adham Baba.

The Covid-19 Immunisation Task Force (CITF) targets 10% of the country's population or 3.2 million people to be fully vaccinated by the middle of July under the National Covid-19 Immunisation Programme.

In a Twitter post, Dr Adham said a total of 9,006,715 doses of vaccines were dispensed as of Sunday.

"For daily vaccination, a total of 206,015 doses of vaccines were administered yesterday (Sunday), involving 127,385 first-dose recipients and 78,630 who received their second vaccine shot," he said.

Selangor recorded the highest number of recipients who completed both doses of vaccination, totalling 348,853 people, followed by Sarawak (299,593), Kuala Lumpur (244,709), Sabah (233,409) and Kedah (193,575).

— Bernama